

ADAT DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT  
PERPATIH DI JOHOL, NEGERI SEMBILAN

HASNI BINTI HASHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANAMUDA PENGAJIAN ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI SELANGOR

1992/93

TELAH DIFILEMKAN

SM. 1292

UM

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

30 April 1993

  
.....  
(HASNI BINTI HASHIM)

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji-pujian ke hadrat Allah SubhanaAllahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w..

Terlebih dahulu, penghargaan ini ditujukan kepada semua tenaga pengajar Fakulti Pengajian Islam terutama dari Jabatan Syaria<sup>C</sup>h yang telah banyak memberikan bimbingan dan ilmu pengetahuan kepada penulis selama tempoh pengajian ini. Jutaan terima kasih kepada mereka dan Insya Allah segala tunjuk ajar serta bimbingan mereka akan menjadi panduan yang amat berguna pada penulis dalam menghadapi masyarakat umum.

Setinggi-tinggi penghargaan khas kepada Prof. Madya Dr. Ismail Mat yang banyak membantu, memberikan teguran dan nasihat serta tidak keberatan, memberikan pendapat juga komen yang membina. Terima kasih tidak terhingga atas kesabarannya dan dorongan yang diberikan dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

Teristimewa buat ayahanda dan bonda yang dikasihi, Hashim bin Yusoff dan Hasnah binti Md. Din, terima kasih atas segala pengorbanan, sokongan dan

dorongan yang diberikan selama ini. Insya Allah, segala pengorbanan dan harapan mereka tidak akan dipersia-siakan ..... Kepada adik-adik yang disayangi, Halim, Hisham dan Fazaitul, semoga usaha ini menjadi pendorong kepada mereka.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditujukan khas kepada Mak Long, Napsiah binti Md din, ahli keluarga yang lain, teman-teman dan mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu penulis baik dari segi idea dan komentar sepanjang menjayakan penulisan ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala kebaikan dan bakti yang dicurahkan. Semoga Allah memberkati dan merestui segala apa yang kita lakukan selama ini. Amin.

Salam hormat,

Hasni Binti Hashim,  
348, Felda Cempaka Jengka Dua,  
26400 Bandar Pusat Jengka,  
Pahang Darul Makmur

## SINOPSIS

Adat merupakan satu gambaran kehidupan bagi sesuatu masyarakat. Dalam perbincangan tentang adat, tumpuan perbincangan diberikan kepada persoalan adat Perpatih di daerah Johol, Negeri Sembilan. Oleh kerana terdapat banyak adat yang diamalkan dalam masyarakat ini maka penekanan diberikan kepada adat-istiadat dalam perkahwinan dan beberapa adat lain yang pernah diamalkan suatu masa dahulu oleh masyarakat adat Perpatih di Johol. Dalam analisis ini, pendekatan perbandingan digunakan untuk menunjukkan perbezaan dan penerusan adat lama dalam amalan masyarakat berkenaan. Untuk tujuan ini beberapa amalan dan upacara adat tertentu tentang perkahwinan juga dinyatakan. Ia melibatkan persoalan-persoalan tentang proses pertunangan dan perkahwinan sama ada perkahwinan yang dibolehkan atau sebaliknya. Analisis juga menyentuh tentang adat-adat lain seperti adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Sebelum penutup, perbincangan ditumpukan kepada persoalan kedudukan wanita dalam amalan masyarakat Perpatih dan pandangan umum masyarakat Johol tentang adat Perpatih yang diamalkan menurut penilaian mereka sekarang.

## JADUAL KANDUNGAN


	<u>Halaman</u>
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	v
SISTEM TRANSLITERASI	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
PENDAHULUAN	xii
<b>BAB I: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Asal-Usul Johol Dan Pengaruh Adat Perpatih Di Johol	1
1.2 Kehidupan Masyarakat Perpatih Di Johol	9
1.3 Bentuk-Bentuk Adat Dalam Masyarakat Johol	19
1.4 Penutup	26
<b>BAB II: ADAT PERKAHWINAN</b>	
2.0 Pendahuluan	27
2.1 Adat Perkahwinan Di Johol	27
2.1.1 Merisik Dan Bertunang	28

Halaman

2.2	Berkayu Akar Atau Istiadat Berkampung	36
2.3	Perkahwinan	41
2.4	Perkahwinan Yang Dibolehkan Dan Tidak Dibolehkan	53
2.5	Penutup	63
BAB III: ADAT-ADAT LAIN		
3.0	Pendahuluan	64
3.1	Adat Mandiri Rumah	64
3.2	Adat Bersawah Padi	69
	3.2.1 Adat Beratib Jalan	71
	3.2.2 Adat Berpuar	74
	3.2.3 Adat Tekachi	77
3.3	Adat Berkedim	80
3.4	Penutup	84
BAB IV: MASYARAKAT PERPATIH DI JOHOL		
4.0	Pendahuluan	85
4.1	Keistimewaan Wanita Dalam Adat Perpatih	85
4.2	Pandangan Masyarakat Tentang Adat	92
	4.2.1 Penutup	99
4.3	Kesimpulan	100
BIBLIOGRAFI		112
LAMPIRAN		

## Vokal


## Vokal Pendek

a i u 

## Vokal Panjang

a i u 

## Diftong

ay aw 

## VOKAL PENDEK

## Contoh


Vokal a :



=

fa<sup>c</sup>ala


Vokal i :



=

fa<sup>c</sup>ila

Vokal u :




=

fa<sup>c</sup>ula

## Transliterasi

## VOKAL PANJANG


Vokal Panjang a



=

fā<sup>c</sup>ala

Vokal panjang i



=

fā<sup>c</sup>il

Vokal panjang u



=

fā<sup>c</sup>ul



Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
د	d	دامير	damīr
ط	t	طالب	talib
ظ	z	ظاهر	zuhr
ع	c	عالم	cālim
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādī
ك	k	كاسي	ka's
ل	l	لبان	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نية	niyyah
هـ	h	هابطة	habata
و	w	وَبَر	wabar
ي	y	ياسين	yāsīn

## SENARAI SINGKATAN

Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
Hlm.	Halaman
Ibid	Di tempat yang sama
PMS	Papers on Malay Subject
Pnys.	Penyusur
t. t.	Tanpa tahun

## PENDAHULUAN

### 1. Permasalahan

Adat memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kerana sesebuah masyarakat itu dikenali melalui adat yang diamalkan. Di Johol, amalan adat Perpatih telah lama bertapak melalui usaha pemimpinnya yang berasal dari Minangkabau. Masyarakat ini mengalami beberapa peringkat perubahan kesan dari pengaruh luar seperti animisme dan Hinduisme sebelum adat Perpatih berakar umbi di sana. Perubahan yang amat ketara ialah kemasukan nilai-nilai Islam hasil dari proses Islamisasi di rantau ini.

Dalam amalan anggota masyarakat Perpatih di Johol, terdapat beberapa adat lama yang sebahagiannya telah pupus seperti adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di samping itu, beberapa upacara tertentu dalam perkahwinan masih diteruskan manakala sebahagian yang lain telah pupus.

Melalui kajian ini penulis cuba memaparkan beberapa bentuk adat yang diamalkan oleh sebahagian dari masyarakat Perpatih di Johol dan sebagai perbandingan cuba membezakannya dengan bentuk-bentuk adat lama yang telah pupus. Adat Perpatih meletakkan wanita

dalam kedudukan yang unik terutama menyentuh soal perwarisan pusaka. Persoalan-persoalan tersebut merupakan persoalan penting yang mendapat perhatian penulis dalam kajian ini.

## 2. Kajian Masa Lalu

Kajian tentang adat Perpatih memang banyak dilakukan oleh penulis-penulis baik penulis dalam mahupun luar negeri. Namun kajian tentang adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih amat kurang dibukukan. Penulisan tentang adat resam ini walaupun ada mungkin dalam bidang-bidang yang terhad seperti perkahwinan dan sistem perwarisan pusaka, sedangkan adat-adat resam yang lain yang pernah diamalkan suatu ketika dahulu oleh masyarakat Perpatih di Johol hampir tidak ditemui lagi.

Beberapa penulis pernah menulis tentang adat Perpatih, antaranya ialah Abd. Rahman bin Haji Muhammed dalam bukunya, "Dasar-Dasar Adat Perpatih".<sup>1</sup> Dalam tulisannya beliau menulis tentang kehidupan masyarakat Perpatih dan adat perkahwinan secara menyeluruh. Buku "Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia",<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Abd. Rahman bin Haji Muhammed, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1964).

<sup>2</sup>Mokhtar bin Haji Md Dom, Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977

oleh Haji Mokhtar bin Haji Md Dom menceritakan asal-usul adat Perpatih, bentuk-bentuk adat dalam masyarakat tersebut, pertalian antara suku-suku dan sistem perwarisan pusaka kepada perempuan tetapi tidak dijelaskan secara terperinci mengenainya. Nordin Selat dalam bukunya, "Sistem Sosial Adat Perpatih",<sup>1</sup> turut memberikan analisis umum tentang kedudukan wanita dalam sistem perwarisan, perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan. Begitu juga, Abdullah Siddik dalam bukunya, "Pengantar Undang-Undang Adat",<sup>2</sup> juga menjelaskan tentang adat Perpatih dan bentuk-bentuk adat yang terdapat di dalamnya secara keseluruhan sahaja tanpa penerangan yang jelas dan terperinci terutama dalam perkahwinan dan kedudukan wanita dalam adat tersebut.

Kebanyakan buku tersebut hanya menyentuh tentang adat dalam perkahwinan atau sistem perwarisan tetapi adat-adat lain terutamanya adat-adat yang lama dan telah pupus tidak lagi mendapat perhatian kebanyakan penulis. Memandangkan kekurangan hasil-hasil penulisan tentang adat lama yang pernah diamalkan dan kini telah pupus, maka penulis telah memilih tajuk di atas dengan tujuan untuk menonjolkan sebahagian daripada adat-adat tersebut terutamanya yang pernah atau termasuk yang masih diamalkan di daerah Johol.

---

<sup>1</sup> Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Utusan Melayu Berhad, 1976.

### 3. Method Kajian

Dalam menjayakan penulisan ini, penulis menggunakan method-method kajian berikut:

#### b. Kajian Perpustakaan

Bagi mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai penulisan ini, penulis telah membuat lawatan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM, Bilik Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM, Perpustakaan / Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur. Maklumat didapati melalui buku-buku dan majalah-majalah atau lainnya dijadikan asas dalam penulisan ini.

#### b) Kajian Lapangan

Memandangkan tajuk latihan ilmiah ini memerlukan kajian khusus di Johor maka penulis telah membuatnya ke beberapa buah kampung di sana seperti Kampung Nuri, Kampung Simat, Kampung Lending, Kampung Tanggai, Kampung Kuala Johor, Kampung Inas, Kampung Air Mawang dan Kampung Sikota untuk menemubual orang-orang tertentu bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Pendekatan yang digunakan ialah dengan menemubual golongan tua yang mahir dalam adat-adat Perpatih. Meskipun terdapat beberapa kesulitan tetapi penulis berjaya menemubual dua belas orang tua yang mahir dalam adat berkenaan terutamanya menyentuh tentang adat mandiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Maklumat-maklumat yang didapati hasil daripada pertemuan dan temubual ini sesungguhnya amat berguna dalam penyediaan latihan ilmiah ini.

#### A. Organisasi

Penyusunan penulisan ini seperti berikut:

Dalam bab pertama latihan ilmiah ini menceritakan tentang asal-usul Johol serta sedikit sejarah kemasukan adat Perpatih di Johol. Ia juga menyentuh tentang pengaruh animisme dan Hinduisme sebelum kedatangan adat Perpatih di sana. Juga sejauhmana pengaruh adat Perpatih dalam masyarakat Johol yang menyentuh tentang adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat-istiadat.

Bab kedua pula menerangkan tentang adat perkahwinan dalam masyarakat Johol, bermula dari adat merisik hingga membawa kepada adat-adat perkahwinan. di dalamnya diceritakan tentang upacara-upacara yang

## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	-Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ع	e	سأل	sa'ala
أ	-	أصفياء	asfiyā
ب	b	بدل	.badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثقرة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	hadīth
خ	kh	خالد	Khālīd
د	d	ديوان	diwān
ذ	dh	ذالك	dhālika
ر	r	رحمن	rahmān
<del>ز</del>	<del>z</del>	<del>زابور</del>	<del>Zabur</del>
س	s	سبيل	ṣabīl
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	ṣabr



## DIFTONG

aw	:	قَوْل	=	qawl
ay	:	سَيْف	=	sayf
iy	:	رَجِي	=	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i
uww	:	عَدُو	=	<sup>c</sup> aduww atau <sup>c</sup> adūw

## TA' MARBUTAH

contoh	:	شَرِيعة	=	shari <sup>c</sup> at
	:	كِتَابَة	=	kitābat

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
و	aw	قَوْل	qawl
ي	ay	سَيْف	sayf
ي	iyy	رَجِي	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i (di akhir)
و	uww	عَدُو	<sup>c</sup> aduww atau <sup>c</sup> adū (di akhir)

diamalkan oleh masyarakat tradisi dan ada di antara adat serta upacara itu tidak lagi menjadi amalan masyarakat sekarang dengan melihat pada perubahan zaman dan kepentingannya masa kini. Bab ini juga membincangkan tentang perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan mengikut adat Perpatih dengan penekanan diberikan pada larangan-larangan yang terdapat dalam perkahwinan seperti yang ditentukan oleh adat.

Selain adat perkahwinan, adat-adat lain juga ada dibincangkan dalam bab ketiga. Disebabkan banyak adat yang diamalkan oleh masyarakat ini dan agak mustahil dibincangkan semuanya, maka penulisan ini lebih tertumpu pada adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di dalam adat-adat tersebut diterangkan bagaimana upacara-upacara dijalankan dan diterima pakai oleh masyarakat dahulu.

Melalui bab keempat pula, penulis membicarakan tentang keistimewaan wanita dalam masyarakat Perpatih di Johol dan alasan-alasan mengapa mereka diberi keistimewaan oleh adat dalam sistem perwarisan. Selain itu, dibincangkan tentang penilaian umum masyarakat Johol tentang adat perpatih yang menjadi amalan mereka selama ini.

Akhir sekali dalam kesimpulan, rumusan mengenai penulisan ini dibuat secara umum bermula dari asal-usul adat Perpatih di Johol hinggalah kepada pengaruhnya ke dalam kehidupan masyarakat Johol yang berkaitan dengan adat-adat tertentu dalam perkahwinan, adat-adat lain yang pernah diamalkan dahulu dan termasuk juga status wanita dalam sistem perwarisan adat Perpatih.

## BAB II

### 2.0 Pendahuluan

Bab ini akan memaparkan tentang adat perkahwinan masyarakat Perpatih di Johol bermula dari merisik hingga kepada proses perkahwinan. Ia akan memperlihatkan beberapa adat dan upacara yang tidak lagi menjadi amalan masyarakat Johol sekarang. Selain itu, bab ini juga akan menyentuh tentang perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan oleh adat dan sebab-sebab larangan tersebut.

### 2.1 Adat Perkahwinan Di Johol

Perkahwinan merupakan satu proses permulaan bagi hidup berkeluarga dan dalam proses tersebut beberapa upacara atau istiadat dilakukan dengan tujuan untuk mengindahkan serta memeriahkan suasana yang akhirnya upacara tersebut telah diterima menjadi adat hingga ke hari ini. Umumnya adat perkahwinan dalam masyarakat Perpatih di Johol tidak menyalahi adat atau terasing secara bersendirian dengan adat perkahwinan dalam masyarakat lain. Cuma dalam perkara tertentu adat perkahwinan ini mempunyai istiadat tersendiri yang secara tidak langsung berjaya memisahkan dan membezakan adat tersebut satu sama lain. Pun begitu masih terdapat pengaruh mempengaruhi dalam adat ini. Dalam mencapai

proses perkahwinan beberapa perkara yang dipandang penting dalam adat perlu dijalankan mengikut apa yang telah diadatkan oleh masyarakat dulu. Oleh itu, lahirlah merisik, menghantar tanda, bertunang, berkampung, berendam dan lain-lain lagi yang amalan itu adakalanya masih menjadi amalan masyarakat pada hari ini.

### 2.1.1 Merisik Dan Bertunang

Sebelum proses perkahwinan disempurnakan ada perkara lain yang tidak kurang peranannya yang perlu dilakukan dan diakui oleh adat. Bagi mencari pasangan atau jodoh yang sesuai, adat merisik telah diwujudkan dan diatur dengan begitu indah serta tertib sekali. Ia merupakan adat istiadat meninjau atau penyelidikan oleh pihak lelaki ke atas perempuan yang tertentu dan keluarganya sebagai calon isteri atau menantu.

Mengikut adatnya wakil pihak lelaki adalah saudara terdekatnya atau orang tua yang dihormati dan disegani dihantar bagi mengetuai adat merisik ini. Lazimnya dalam peringkat merisik, Buapak bagi kedua pihak belum lagi memainkan peranan. Sebelum merisik mereka akan memastikan bahawa gadis yang berkenan di hati mereka itu adalah calon yang selayaknya dan sesuai. Mereka akan menilai dan menyelidik latar belakang gadis tersebut dari segi fizikal, mental, keturunan dan sukunya. Mereka juga akan pastikan gadis itu belum mempunyai, sesuai dengan

kata adat, anak perempuan risik-risikkan, anak lelaki tanya-tanyakan.

Adat dahulu, tidak lazim bagi keluarga lelaki mahupun keluarga perempuan bertanya dahulu atau meminta izin pasangan yang akan ditunangkan malak mereka menerima dengan rela jodoh yang diatur oleh keluarga dan tidak timbul ketidakrelaan dan unsur keterpaksaan menerima jodoh mereka. Mungkin disebabkan didikan dan cara hidup masyarakat dulu maka mereka lebih suka bersikap akur pada kemahuan keluarga dari mementingkan diri sendiri. Pun begitu, pihak keluarga tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa dan rasa hormat itu dengan memaksa mereka mengikut kehendak tanpa mengambilkira hati dan perasaan anak muda.

Menurut adat juga, ibu bapa pihak lelaki akan memanggil adik beradiknya dan saudara terdekat untuk meminta nasihat dan pendapat tentang calon yang bakal dipinang. Satu majlis kenduri kecil diadakan dan bila mereka berpuas hati dengan gadis yang dirisik maka mereka akan datang lagi pada hari yang ditetapkan dalam satu majlis yang lebih formal bagi melahirkan hasrat pada pihak perempuan. Dalam istiadat tersebut sebetuk cincin yang dikenali sebagai cincin tanya akan diserahkan pada pihak perempuan dan kebiasaannya cincin ini adalah cincin belah rotan atau cincin tapak gajah iaitu cincin yang lebar permukaannya, tidak boleh cincin bermata batu

kerana dikatakan mempunyai alamat yang tidak baik.<sup>1</sup> Tujuan diberikan cincin tanya ini adalah sebagai tanda bahawa gadis itu telah dirisik dan tanda jadi, jika tidak ada halangan daripada Buapak atau ahli keluarga yang lain selain menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan pihak lelaki.

Setelah proses penerimaan cincin tanya, biasanya pihak perempuan akan meminta tempoh bagi menyatakan keputusan sama ada menolak atau menerima hasrat tersebut. Ia bertujuan untuk meminta pendapat dan pandangan dari kaum kerabat atau waris dan lazimnya keputusan mereka adalah menjadi penentu segalanya. Pada hari tersebut cincin yang diterima akan diedarkan pada ahli yang hadir bagi mencapai kata sepakat. Tempoh yang diminta itu tidak kurang dari tiga hari dan telah ditetapkan dalam perbilangan:

Cepat janji tiga hari,  
 lewat janji tujuh hari,  
 laun janji dua kali tujuh hari.

Pada hari yang dijanjikan pihak perempuan akan ke rumah lelaki untuk menyatakan keputusan, jika mereka menolak maka cincin akan dikembalikan tapi jika sebaliknya maka cincin tersebut akan dipegang oleh pihak perempuan. Apabila persetujuan dari kedua-pihak dicapai, maka ibubapa bagi pihak lelaki dan perempuan akan

---

<sup>1</sup>Borhan bin Ibrahim, penduduk Kampung Nuri, Johol, N. Sembilan, 12 September 1992.

memberitahu pada Buapak dan kaum kerabat yang lain supaya hadir pada hari menerima tanda atau hari pertunangan nanti.

Jika dalam proses merisik, Buapak tidak memainkan peranan tetapi dalam proses pertunangan peranan Buapak adalah penting dan mengikut adat jika tanpa mereka mungkin majlis itu tidak dapat dilangsungkan. Pada hari yang ditetapkan, Buapak yang mendatang (bagi pihak lelaki) akan disambut dengan penuh adat oleh Buapak yang menerima (bagi pihak perempuan) yang mana dalam istiadat ini disertakan dengan barang hantaran, tepak sireh, wang adat sebanyak RM40.00, sebetuk cincin pertunangan yang diletakkan dalam dulang berisikan bunga rampai dan ditutup dengan tudung saji. Istiadat ini disulami dengan bahasa kiasan, pantun dan kata-kata puisi sebagai melambangkan budi pekerti masyarakat Perpatih. Sebelum cincin pertunangan diserahkan, Buapak pihak lelaki akan bertanyakan cincin- tanya dahulu dan bila berpuashati bahawa cincin itu berada pada pihak perempuan tersebut maka cincin pertunangan akan diserahkan pada Buapak perempuan. Pada ketika ini Buapak perempuan akan mengedarkan cincin tersebut dan meminta tiga helai benang yang berlainan warna, dipanggil benang sempurna untuk mengikat kedua-dua cincin tersebut. Cincin dipertaruhkan pada Buapak perempuan kerana jika berlaku perlanggaran janji maka cincin tersebut akan dituntut semula. Kata adat:



Kerbau ditambat dengan tali,  
janji diikat dengan tanda.

Dalam istiadat ini juga perundingan antara pihak lelaki dan perempuan diadakan bagi menentukan perkara asas seperti tempoh bertunang, jumlah hantaran<sup>1</sup> dan syarat-syarat perjanjian. Mengikut adatnya, perundingan dilakukan pada waktu siang atau tengahari kerana dipercayai murah rezeki atau pencarian naik<sup>2</sup> dan tempoh pertunangan adalah mengikut tahun padi<sup>3</sup> iaitu enam bulan dari tempoh pertunangan. Bagaimanapun tempoh itu boleh dipercepatkan atau dilanjutkan bergantung dengan permuafakatan antara dua keluarga tersebut. Konsep permuafakatan ini disebut dalam perbilangan:

Sakit lelaki, lari pada perempuan,  
sakit perempuan, lari pada lelaki.

Mereka juga akan cuba mengelakkan daripada menjalankan majlis perkahwinan pada bulan Safar atau dikenali dengan bulan berapit kerana dipercayai bulan tersebut memberi makna yang tidak baik.

---

<sup>1</sup>Menurut Encik Borhan, mengikut adat dahulu tiada hantaran yang diberikan.

<sup>2</sup>Encik Borhan bin Ibrahim.

<sup>3</sup>Masyarakat dulu mengira hari mengikut hari bersawah padi dan disebabkan mereka mengusahakan padi setahun sekali maka mereka menamakannya sebagai tahun padi.

Suatu perkara yang dikira penting dalam perbincangan ini ialah penentuan mengenai jenis olek atau kenduri yang hendak diadakan sama ada ia adalah Olek Buapak<sup>1</sup> atau Olek Lembaga<sup>2</sup> atau Olek Waris (Undang).<sup>3</sup> Ketua-Ketua Adat suku masing-masing akan diberitahu tentang jenis olek yang hendak dilakukan kerana setiap olek mempunyai cara dan persiapan yang tersendiri, oleh itu pemberitahuan awal akan membantu melicinkan majlis tersebut.

Olek Buapak, biasanya perkahwinan akan diadakan pada siang hari sahaja. Seekor kambing akan disembelih untuk jamuan dan mengikut adat kepala kambing itu dimasak (tidak boleh dibelah) akan dipersembahkan di hadapan Buapak dan hanya selepas Buapak menjamah kepala kambing itu baharulah orang lain boleh menjamahnya. Sebelum itu mengikut adat, tepak sireh akan dibawa untuk dipersembahkan pada Buapak sebagai adat menjemput Buapak. Tepak sireh yang juga disebut bujam yang dibungkus dengan kain kecil menandakan jemputan itu adalah jemputan resmi dan Buapak tiada alasan untuk menolaknya. Tuan rumah akan menyediakan persiapan bagi menyambut Buapak dengan

---

<sup>1</sup>Kenduri yang dijalankan memadai dengan menyembelih kambing dan majlis diadakan sehari semalam.

<sup>2</sup>Kenduri yang diadakan dengan menyembelih lembu atau kerbau dan majlis diadakan sehari semalam.

<sup>3</sup>Kenduri yang diadakan dengan menyembelih dua ekor lembu atau kerbau dan majlis diadakan tiga hari tiga malam.

menyediakan tilam pandak<sup>1</sup> sebagai tempat duduk yang diletakkan di anjung serambi, tabir berpasang, langit-langit terbentang, tikar, tepak sireh dan lain-lain.

Sementara itu Olek Lembaga diadakan sehari semalam dengan menyembelih seekor lembu atau kerbau dan menurut adat di Johor olek jenis ini mesti didirikan adat iaitu majlis perkahwinan akan diadakan mengikut adat istiadat Perpatih. Ketika itu, adat menyambut Lembaga<sup>2</sup> akan dibuat dengan memasang gantung-gantung seperti memasang tabir dan tilam pandak yang disediakan khas untuk Lembaga duduk. Tempat mereka adalah di pangkal anjung rumah dan disediakan tetamu khas untuk teman berbual.

Makanan mereka pula diatur dengan teliti dan ditutup dengan tudung saji. Ketidakepekaan menyusun makanan ini akan membuat mereka tersinggung dan sedikit sebanyak boleh mencacatkan majlis tersebut. Pendek kata, kedatangan mereka akan dimulihkan dengan penuh adat istiadat.

Olek Undang atau Waris hanya dilakukan dalam majlis yang melibatkan keluarga Undang atau Warisnya saja. Ia akan diadakan tiga hari tiga malam dengan

---

<sup>1</sup>Menurut masyarakat Perpatih, tilam pandak ialah sejenis bantal kecil yang dibuat khas untuk tempat duduk.

<sup>2</sup>Ketua bagi Buapak.

menyembelih dua ekor lembu atau kerbau dan seekor kambing. Olek jenis ini akan memperlihatkan berbagai adat istiadat kerana ia membabitkan penglibatan Undang<sup>1</sup> d. dalamnya.

Bagaimanapun selepas Perang Dunia Kedua olek-olek ini tidak diamalkan lagi secara meluas, di Johol sendiri ia seakan dilupakan dan rata-rata masyarakatnya mengamalkan Olek Jamu iaitu kenduri menjamu orang ramai mengikut kemampuan tuan rumah, seterusnya yang penting mereka tidak lagi perlu mendirikan adat.

Setelah janji diikat, persetujuan dicapai kedua pihak akan cuba mematuhi dan menghormati janji agar tidak menyinggung perasaan antara mereka. Apabila berlaku mungkir janji maka pihak yang memulakannya akan dikenakan denda akibat perbuatannya itu. Jika pihak lelaki yang membatalkan pertunangan maka segala tanda pertunangan itu tidak akan dikembalikan tetapi jika sebaliknya maka pihak perempuan terpaksa membayar denda dua kali ganda tanda pertunangan yang diterima dari pihak lelaki. Ini bermakna pihak perempuan akan memulangkan empat bentuk cincin adat akibat pelanggaran janji tersebut. Namun syarat-syarat ini dikecualikan jika sesuatu terjadi pada salah satu pihak seperti kematian, kecacatan kerana kemalangan, sakit yang tidak boleh diubati, gila dan

---

<sup>1</sup>Ketua bagi sesuatu luak.

lain-lain. Dalam situasi ini kedua mereka tidak dikenakan denda dan pihak perempuan akan memulangkan semula tanda pertunangan seperti yang ditetapkan dalam perbincangan:

Oso sekata janji dibuat,  
 janji diikat, dimuliakan,  
 dalam janji digaduhkan,  
 sampai janji ditepati,  
 helah lelaki, loncor,  
 helah perempuan, ganda,  
 sawan gila luar janji.

Konsep pertunangan di Johol tidak jauh berbeza dengan konsep pertunangan di tempat lain. Pertunangan dianggap sebagai satu perjanjian bagi meneruskan hidup berkeluarga. Perjanjian yang diikat sebolehnya dipelihara dengan baik agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Jika terdapat pelanggaran janji maka pihak yang bertanggungjawab memulakannya akan dikenakan denda yang telah ditentukan adat.

## 2.2 Berkayu Akar atau Istiadat Berkampung

Sesuatu majlis yang hendak diadakan biasanya melibatkan tenaga kerja yang ramai, perlu ada persefahaman, kerjasama dan saling membantu. Amalan yang sememangnya dipupuk sejak berzaman dulu tidak pernah dilupakan dan menjadi semacam adat jika adanya majlis maka adanya semangat kerjasama ini. Adat ini dikenali dengan nama yang berlainan mengikut tempat masing-masing seperti adat berkayu akar, adat menating olek, adat

merapat dan lain-lain tetapi yang pastinya ia mempunyai konsep yang sama. Di Johol, adat ini lebih dikenali sebagai adat berkampung masih menjadi amalar masyarakatnya dan caranya sama dengan adat berkampung di tempat lain.

Biasanya adat berkampung ini dilakukan dua minggu sebelum hari langsung. Mengikut adatnya, keluarga bagi kedua pihak akan menjemput Buapak masing-masing untuk diajak berunding dalam hal tersebut. Di sini Buapak akan memainkan peranan paling penting kerana dia yang akan memastikan tiap tugas dan kerja menjelang hari langsung hingga selesai majlis perkahwinan berjalan dengan sempurna dan teratur. Buapaklah yang bertanggungjawab terhadap berjaya atau tidaknya majlis tersebut di samping bantuan dari anak-anak buahnya. Ketiadaan Buapak tidak saja boleh mencacatkan majlis malah ia akan dianggap sebagai menyalah adat.

Dalam upacara berkampung ini Buapak akan mengumpulkan anak-anak buahnya untuk membincangkan kerja-kerja yang akan dibuat hingga ke hari langsung. Mereka akan menentukan jenis olek yang akan dilakukan di samping pembahagian kerja ditetapkan mengikut tahap kemampuan masing-masing. Bantuan dari segi tenaga dan material amat diperlukan dan biasanya kerjasama yang diperlukan itu tidak mengecewakan. Perbincangan tersebut termasuklah mendirikan khemah, penanggahan, memasak,

menghias dan lain-lain. Dalam majlis ini semua anak buah dimestikan hadir dan tidak dikecualikan, jika berlaku ketidakhadiran salah seorang tanpa sebab ia akan dianggap sebagai tidak setuju dengan jodoh anak buahnya atau ada sesuatu yang tidak kena berlaku. Oleh itu Buapak akan pastikan anak buahnya hadir dan jika ada masalah yang berlaku akan segera diselesaikan, kemudian satu jamuan akan diadakan. Mulai dari hari yang ditetapkan orang ramai akan mula berkunjung ke rumah pengantin untuk membantu kerja-kerja berkampung. Ketika ini bukan sahaja keluarga atau saudara mara pengantin yang datang malah orang kampung biasanya tidak akan berpeluk tubuh dan membiarkan mereka sendirian. Seolah-olah menjadi kelaziman kerja-kerja memasak akan dilakukan oleh perempuan manakala kerja-kerja seperti mendirikan khemah, buat penanggahan dan kerja berat yang lain dilakukan oleh kaum lelaki dan bagi kerja menghias, buat bunga telur, hias pelamin, hias bilik tidur dan barang hantaran akan dilakukan oleh anak gadis dengan dibantu oleh golongan tua yang biasanya berperanan atau bertindak sebagai jurutunjuk.

Selain dari bertanggungjawab memastikan anak buah menjalankan peranan yang diberi dengan teratur dan sempurna Buapak juga bertindak menyediakan dan menyiapkan alat-alat bagi mendirikan adat. Jika sepakat untuk membuat Olek Lembaga maka adat mesti didirikan dengan memasang tabir, memasang langit-langit dan menyediakan

tilam pandak di tiga tempat iaitu tempat duduk bagi Lembaga di pangkal serambi, tempat Imam di hujung serambi dan untuk isteri Lembaga di ruang tengah rumah. Semua itu dipasang dan disediakan oleh Buapak.

Hasil usaha orang ramai bangsal penangghah didirikan bagi keperluan tempat masak-memasak dan ia dianggap penting kerana dapat memudahkan kerja memasak yang memerlukan tempat yang luas dan selesa. Di samping itu, bangsal untuk menjamu para jemputan juga didirikan kerana lazimnya ruang tamu rumah tidak dapat menampung keselesaan para jemputan yang tentu saja tidak sedikit bilangannya. Oleh itu, bangsal didirikan agar keselesaan dan keharmonian dapat dirasakan.

Rumah pengantin akan dihias supaya nampak lebih cantik dan meriah. Pelamin bagi tempat pengantin bersanding, bilik tidur dan katil dan dihias indah yang mana sebahagian dari wang hantaran digunakan bagi tujuan kenduri kahwin. Bagaimanapun kenduri ini diadakan mengikut kemampuan dan perbelanjaan yang telah dirancangkan berdasarkan permuafakatan sebelum ini.

Kebiasaannya pada waktu ini kuih-kuih tertentu dibuat bagi menjamu tetamu atau saudara terdekat dan kadang-kadang ia diberikan sebagai tanda buah tangan tuan rumah bagi melahirkan rasa terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Selalunya kuih-kuih tersebut adalah dari



jenis yang tahan lama seperti bahu, dodol, pulut manis dan lain-lain, tidak ketinggalan telur rebus juga dibekalkan di samping lauk-pauk.

Tapi mengikut adat dahulu, tuan rumah hanya menyediakan nasi pulut panggang ayam yang ditanak atau dikukus, kemudian dibungkus dan diisikan sedikit daging atau ayam yang diberikan pada Buapak selepas selesai hari langsung sebagai tanda penghormatan dan penghargaan atas segala usahanya. Dalam Olek Lembaga biasanya nasi pulut panggang ayam dibuat lebih dari satu yang mana tuan rumah menyediakan satu dan selebihnya dibuat oleh orang lain. Ia dinamakan adat bertanam atau lebih menyerupai berhutang kerana bila tiba giliran orang tersebut mengadakan kenduri kahwin di rumahnya maka hutang itu akan dibayar sama ada dengan wang atau dengan mengadakan nasi pulut panggang ayam yang serupa. Ia lebih bersifat gotong royong dan lazimnya nasi pulut panggang ayam ini akan diberikan pada Buapak dan Lembaga bila selesai majlis tersebut. Bagaimanapun masyarakat sekarang lebih suka membuat kuih yang tahan lama dan tidak mudah rosak maka kelaziman dulu ditukar sesuai dengan peredaran masa dan tempat dan yang pastinya masyarakat sendiri telah serasi dengan kelaziman baru ini.

Adat berkampung yang juga dikenali dengan menggegar adat selalunya akan berlangsung hingga tiba hari perkahwinan. Buapak adalah orang yang paling sibuk

mengendalikan majlis, ini di samping memberikan arahan pada anak buahnya. Tiada perbezaan yang ketara mengenai adat ini dengan adat masyarakat lain kerana mereka sama-sama menitikberatkan kerjasama dan saling membantu baik dalam usaha yang berupa tenaga atau material.

### 2.3 Perkahwinan

Perkahwinan merupakan proses terakhir bagi tiap pasangan dalam mewujudkan hubungan halal dan sah di sisi Islam dan merupakan proses permulaan bagi menempuh alam rumahtangga. Maka terpulanglah pada mereka untuk mengatur kehidupan dan memilih cara yang sebaiknya untuk menjaga keharmonian hidup mereka. Ia juga merupakan proses awal untuk mengharungi hidup berkeluarga. Umumnya adat perkahwinan di Johor sama dengan tempat lain kecuali dalam perkara tertentu terdapat sedikit kelainan seperti kata pepatah, lain padang lain belalang.

Sebelum menjelang hari langsung biasanya pengantin perempuan akan diandam untuk menaikkan seri wajahnya. Tugas ini akan dilakukan oleh mak andam yang telah ditempah lebih dulu. Pada hari yang ditetapkan mak andam akan datang dan tuan rumah akan menyediakan alat-alat untuk berandam seperti tepung tawar, dapur perasap (bekas tempat kemenyan), kain putih, daun ati-ati, daun serusa dan daun seputih, tepung beras dan sedikit kunyit. Selepas mandi berlimau pengantin perempuan akan bersiap

sedia untuk dimulakan adat berendam. Peringkat permulaan mak andam akan membakar kemenyan kemudian menepung tawar dengan merenjis-renjis pengantin perempuan. Kain putih akan dibentangkan untuk istiadat bercukur dan selepas berjampi mak andam akan menggunakan pisau cukur bagi mencukur anak rambut dan bulu kening.

Difahamkan juga cara bercukur boleh menentukan kesucian seorang gadis di mana mak andam melalui jampi dan petua yang diajarkan oleh gurunya akan berusaha menaikkan semula seri wajah pengantin jika didapati gadis itu tidak suci lagi. Banyak cara bagi mengetahui kesucian tersebut dan biasanya cara tersebut adalah turun-temurun yang dipelajari dari guru masing-masing. Kesucian seseorang gadis adalah menjadi rahsia mak andam dan tidak akan diberitahu pada sesiapaupun walaupun pada gadis itu sendiri. Menurut Puan Mariam binti Borhan yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini, petua bagi mengetahui kesucian gadis iaitu dengan cara selepas membaca jampi mak andam mengambil sedikit anak rambut di dahi dan tarikan yang pertama iaitu masa mula-mula bercukur, jika rambut seakan melompat menandakan gadis itu tidak suci lagi tetapi jika sebaliknya iaitu rambut itu tidak bertindakbalas maka ia menandakan gadis itu masih suci. Oleh itu, jika seorang gadis masih suci, selepas bercukur mukanya akan nampak merah menandakan seri muka terpancar sebaliknya jika gadis itu tidak suci lagi maka menjadi tugas mak andam untuk menaikkan seri

mukanya. Bakal pengantin ini tidak dibenarkan lalu di bawah rumah dan bawah ampai kain kerana serinya akan hilang jika pantang larang ini dilanggar.<sup>1</sup>

Menurut satu kajian di kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Parit, Perak<sup>2</sup> penentuan tersebut dilakukan dengan cara memotong hujung anak rambut bahagian dahi, pelapis kanan dan kiri. Jika potongan dari tiga bahagian anak rambut jatuh membentuk seperti bulatan (o) bermakna gadis itu tidak suci lagi. Jika rambut membentuk lengkung ke arah ke kanan [))))] menunjukkan ia masih gadis dan akan bahagia kelak, jika ia membentuk lengkung mengarah ke kiri [((((] menandakan ia masih suci. Jika anak rambut bahagian dahi jatuh menegak lurus ke arah pengantin dan anak rambut pelipis kanan jatuh menghala ke kiri manakala anak rambut di pelipis kiri jatuh menghala ke kanan menunjukkan pengantin masih dara tetapi ia tidak bahagia.

Selain dari berendam adat berinai kecil dan berinai besar turut dilakukan. Sebenarnya tidak ada perbezaan yang jelas antara keduanya cuma adat berinai

---

<sup>1</sup> Mariam binti Borhan, penduduk Kg. Lending, Johol, Negeri Sembilan, 12 September 1992.

<sup>2</sup> Zainab binti Yahya, Tilik Menilik Di Kalangan Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Parit, Perak. Latihan Ilmiah Tahun Kejujangan Di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983, hlm. 115-116.

kecil dilakukan oleh pengantin perempuan saja manakala adat berinai besar memestikan pengantin lelaki datang pada hari yang ditetapkan dengan diiringi pengapit dan waris yang tua. Mereka dijemput dengan rasminya bersama tepak sirih menurut adat dahulu. Mereka akan disandingkan di atas pelamin dan istiadat berinai akan dilakukan secara bergilir-gilir oleh waris bagi kedua pihak. Biasanya bilangannya adalah ganjil. Istiadat dimulakan dengan sembah pengantin kemudian menepung tawar, meletak inai seterusnya menabur sedikit beras ke arah pengantin. Setiap mereka akan diberikan bunga telur yang dibuat khas dan dicacakkan di atas nasi panca. Istiadat ini diakhiri dengan pengantin lelaki kembali ke rumahnya bersama pengiring yang menghantarnya tadi.

#### ~~Hari~~ Langsung

Sudah menjadi kebiasaan yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih akad nikah akan dilakukan pada hari langsung atau pada hari perkahwinan ditetapkan. Akad nikah yang dilakukan sama dengan akad nikah yang dilakukan dalam Islam. Pada masa ia dilakukan pengantin lelaki duduk atas tilam pandak yang disediakan khas untuknya. Masa akad nikah tidak ditentukan secara pasti mengikut adat namun kelazimannya ialah pada waktu selepas Zohor. Dikatakan sebelum Perang Dunia Kedua dulu adat berjamu hanya boleh dilakukan selepas berlakunya akad

nikah.<sup>1</sup> Pada hari ini juga barang hantaran serta wang belanja kahwin, wang adat 40, mas kahwin RM20.00 dan tepak sirih diserahkan. Mengikut adat masyarakat Johol dahulu, barang hantaran tidak ada, pengantin lelaki hanya perlu menghantar dan menyerahkan wang adat yang sebahagiannya disedekahkan pada masjid dan sebahagian lagi menjadi milik perempuan, juga mas kahwin di samping tepak sirih yang menjadi kepala adat. Mengenai wang adat ia berbeza jumlahnya mengikut adat tempatan yang mana telah ditentukan dan disepakati hasil dari rundingan Lembaga adat bersama Undang atau Penghulu luak masing-masing.

Mengikut adat di Johol hanya Olek Lembaga dan Olek waris sahaja yang boleh mendirikan adat atau menjulang adat manakala oleh Buapak pula tidak boleh mendirikan adat hanya diadakan kenduri biasa saja. Dikatakan mandiri adat atau menjulang adat ialah keluarga kedua pihak perlu melakukan dengan adat dan menyediakan segala persiapan untuk menyambut kedatangan Ketua-Ketua Lembaga atau Undang. Tapi difahamkan di tempat lain boleh mendirikan adat walaupun mereka mengadakan Olek Buapak. Jika perkara ini berlaku di Johol, ia dikira sebagai salah adat dan mereka akan didenda kerana kesalahan tersebut. Biasanya denda itu mengikut perbincangan dan

---

<sup>1</sup>Layar bin Atong, penduduk Kg. Inas, Johol, Negeri Sembilan, 4 Disember 1992.

permuafakatan antara ahli.<sup>1</sup>

Selepas upacara akad nikah pengantin lelaki akan dibawa ke bilik perempuan untuk menjalani upacara membatal air sembahyang. Seperkara yang menarik tentang adat ini ialah adat berjulang yang dilakukan selepas akad nikah. Dikatakan berjulang kerana pengantin akan didudukkan di atas sebuah tempat yang direka khas dipanggil tandu.<sup>2</sup> Kemudian mereka akan diarak ke halaman rumah yang mana upacara ini diserikan dengan komping dan nyanyian. Bila sampai suatu tempat mereka diturunkan dari tandu dan ditepung tawar oleh mak andam dan dijemput makan sirih—serta dipersembahkan silat pengantin di hadapan mereka. Bila selesai mereka akan naik semula ke atas tandu dan diarak seterusnya naik ke atas rumah untuk istiadat makan beradab. Dikatakan juga adat berjulang ini hanya boleh dilakukan jika berdiri adat iaitu melakukan Olek Lembaga atau Olek Buapak. Kemudian pengantin lelaki akan pulang semula untuk datang lagi pada sebelah malamnya pula.

Ketika ini pengantin lelaki akan datang membawa seekor ayam, dua biji kelapa dan beras segantang kemudian diletakkan di hadapan tetamu. Pengantin perempuan yang telah bersiap sedia keluar dari bilik dengan membawa tepak sirih kemudian bersalam dahulu sebelum membawa

---

<sup>1</sup>Borhan bin Ibrahim

<sup>2</sup>Tempat duduk khas yang dibuat dari buluh.

barang-barang tersebut masuk ke bilik. Ini dilakukan sebagai tanda bahawa menjadi kewajipan lelaki mencari rezeki dan kemestian bagi isteri menerima apa saja rezeki yang dibawa oleh suaminya.

Seterusnya mereka akan disandingkan sekali lagi dan diadakan juga istiadat menepung tawar dan makan suap-suapan. Ketika ini juga pengantin akan dipersembahkan dengan tarian lilin atau juga dipanggil tarinai atau terinai. Dikatakan tarian lilin kerana lilin akan diletakkan di atas piring kecil dan dipegang oleh penari di kedua belah tangannya. Dua bentuk cincin akan disarungkan di jari penari tersebut supaya dapat mengeluarkan bunyi yang menarik ketika tarian dipersembahkan. Dikenali juga sebagai tarinai atau terinai hasil gabungan dua perkataan tari dan inai kerana selepas tarian lilin, penari tersebut akan meletakkan sedikit inai di tangan pengantin itu.

Selepas upacara tersebut selesai, satu lagi upacara yang pernah diamalkan suatu ketika dulu ialah upacara mengasah gigi. Ia dilakukan dengan cara pengantin perempuan berbaring di tempat tidur dan giginya diasah oleh seorang yang mahir dengan kerja ini yang mana ia telah ditempah lebih dulu sementara itu pengantin lelaki akan memegang lilin untuk menyuluh gigi pasangannya. Satu jenis alat seperti pelampung akan diletakkan ke dalam mulut pengantin perempuan agar dapat



menahannya dari rasa ngilu bila upacara itu dijalankan. Alat yang digunakan untuk mengasah ialah batu khas yang digunakan untuk tujuan tersebut dan biasanya upah bagi kerja ini bergantung pada tuan rumah tersebut. Sebaik saja upacara ini selesai pengantin lelaki akan keluar semula dan menjelang tengah malam pengantin perempuan akan keluar dengan penuh adat sopan membawa tepak sirih menjemput pengantin lelaki bermalam di rumahnya.

Pada keesokannya paginya sebelum diadakan adat menyalang, diadakan dahulu istiadat mandi-mandian. Bagi upacara ini satu tempat khas bagi keduanya duduk dibuat terlebih dahulu yang dibuat dengan buluh semuat dua orang saja. Sebatang buluh dibelah empat dan ditarik keluar seakan membentuk sebuah kubah dengan puncaknya diletakkan mengkuang sebagai hiasan. Alat-alat lain yang digunakan bagi tujuan tersebut ialah air dalam bekas (gobok), dua biji kelapa muda, tepung tawar, beras kunyit, anyaman dari daun kelapa dipanggil jari lipan yang mana semuanya telah disediakan pada malam sebelumnya (malam mengukus). Seterusnya kedua pengantin didudukkan di tempat tersebut dan mereka diikat dengan kain putih sepanjang dua ela kemudian ditepung tawar dan dijiruskan sedikit air kelapa serta air dalam gobok oleh mak andam (bagi pihak pengantin perempuan) dan pengapit lelaki (bagi pihak lelaki). Kemudian mereka dilepaskan dari ikatan dan acara kemuncak bila mak andam meletakkan beras di tangan kedua pengantin pada masa yang sama mak andam dan

pengapit lelaki memegang seekor ayam jantan (bagi pengapit lelaki) dan ayam betina (bagi mak andam), ketika ini ayam yang mamatuk beras lebih dulu akan dilambung dan sesiapa yang berjaya menangkap ayam tersebut, ia akan menjadi miliknya. Ayam tersebut tidak boleh ditangkap jika ia berada di kawasan rumah.<sup>1</sup> Akhir sekali pengantin akan mandi bagi membersihkan badan mereka dari air kelapa tadi. Adakalanya mereka mengambil kesempatan menyiram orang yang berada berdekatan dengan mereka. Ini dilakukan tidak bermaksud lain kecuali untuk memeriahkan suasana. Biasanya adat ini diadakan berhampiran sungai atau perigi.

Sebaik sahaja selesai istiadat mandi-mandian, mereka akan bersiap sedia untuk pergi ke rumah pengantin lelaki pula, adat ini dinamakan adat bertandang atau menyalang. Mereka akan diiringi oleh saudara-mara pengantin perempuan dengan membawa buah tangan atau dipanggil boko. Mereka akan membawa pulut yang dikukus pada malam sebelumnya dan ayam panggang untuk diberikan pada keluarga pihak lelaki. Nasi pulut panggang ayam ini adalah mengikut adat tradisi tapi adat sekarang telah bertukar kepada dodol atau wajik kerana ia lebih tahan lama. Masyarakat Johol sekarang lebih suka membawa boko yang berisikan makanan tahan lama agar tidak berlaku

---

<sup>1</sup>Bador bin Samad, penduduk Kg. Nuri, Johol, Negeri Sembilan, 2 Februari 1993.

pembaziran. Lazimnya tidak banyak beza upacara yang dilakukan di rumah pengantin lelaki dengan rumah pengantin perempuan kecuali istiadat di rumah perempuan lebih meriah.

Setelah tamat adat menyalang ini pengantin lelaki akan mengikut pengantin perempuan balik ke rumahnya. Pada keesokan harinya mereka akan balik semula ke rumah pengantin lelaki sebagai merapak jejak atau menikam jejak. Dalam adat ini pengantin lelaki akan membawa isterinya menziarahi saudara-maranya bertujuan memperkenalkan isterinya pada saudara-maranya supaya bertambah erat hubungan antara mereka dan juga sebagai tanda mengenang budi saudara maranya dalam menjayakan perkahwinan mereka. Ketika ini mereka juga akan membawa buah tangan yang hampir serupa dengan boko dalam istiadat menyalang. Menurut adat dahulu, sebagai balasannya pihak keluarga yang diziarahi akan memberi peralatan dapur seperti pinggan mangkuk, dulang, gelas dan sebagainya sebagai tanda bagi mereka untuk memulakan kehidupan berumahtangga. Tapi adat seperti itu tidak lagi diamalkan biasanya orang yang diziarahi akan memberi sedikit wang atau barang-barang lain bergantung pada tuan rumah tersebut. Sebetulnya kehadiran mereka itu tidak pernah mengharap apa-apa balasan dan semua orang memahami serta menyedari hakikat tersebut, namun adat yang telah dijaga sekian lama terus diamalkan dan tidak terasa oleh mereka yang adat telah memaksa mereka, ini

kerana mereka ikhlas atas tiap pemberian dan rasa terkilan jika pemberian tersebut tidak diterima. Adat menikam jejak ini juga dilakukan pada keluarga pihak perempuan sama seperti pihak lelaki

Menurut adat Perpatih perkahwinan merupakan titik permulaan bagi seseorang menjalani hidup berkeluarga dan rumahtangga yang harmoni adalah berasaskan kerjasama kedua pihak. Sifat menghormati, bertolak-ansur, memahami dan jujur amat penting supaya tidak berlaku kehambaran rumahtangga di samping meletakkan perundingan tempat taratas bagi menyelesaikan semua masalah. Seseorang yang berkahwin dikatakan akan berhutang pada lima perkara seperti yang digambarkan dalam perbilangan:

Hutang atas lima perkara:  
 pertama upah bidan,  
 kedua kerat pusat,  
 ketiga sunat rasul,  
 keempat khatam mengaji,  
 kelima nikah kahwin.

Berhutang yang dimaksudkan di sini ialah apabila seorang telah berkahwin dan ditakdirkan mereka mendapat anak, maka kewajipan bagi lelaki tersebut mengupah bidan untuk menguruskan isterinya kemudian mengupah untuk mengerat pusat anaknya seterusnya bila anaknya besar, ia berkewajipan untuk melakukan sunat rasul atau berkhatan bagi anaknya juga berkewajipan menghantar mengaji atau belajar dan akhirnya bila anak itu telah dewasa ia perlu menjalankan kenduri nikah kahwin untuk

anaknya itu.

Ada juga yang mengatakan pihak perempuan berhutang atas empat perkara iaitu upah bidan, sunat rasul, mengaji dan nikah kahwin manakala lelaki berhutang pada lima perkara iaitu upah bidan, sunat rasul, mengaji, nikah kahwin, memasak dan menjahit.<sup>1</sup> Oleh itu, adalah dipercayai jika mereka dapat menjelaskan hutang tersebut mereka dikira telah berjaya membentuk keluarga sendiri dengan baik.

Adat pertunangan dan perkahwinan dalam adat Perpatih keseluruhannya tidak bercanggah dengan Islam kerana ia menepati syara<sup>C</sup> berdasarkan rukun-rukunnya yang tidak diusik oleh adat Perpatih. Percanggahan hanya berlaku dari segi upacara atau istiadat itu sendiri bukan adatnya, bagaimanapun percanggahan itu tidak sampai ke tahap boleh menjejaskan akidah. Dari segi merisik, bertunang hingga proses perkahwinan tidak nampak bezanya yang jelas antara adat Perpatih dengan hukum Islam cuma dalam upacara perkahwinan terdapat istiadat yang dirasakan tidak patut diteruskan dan perlu pada pengubahsuaian agar menepati citarasa Islam.

Dari apa yang dapat dilihat pada hari ini amalan seperti itu hampir tidak ada dan kalaupun ada ia telah

---

<sup>1</sup>— Che' Mat bin Hassan, penduduk Kampung Bukit Istana, Air Mawang, Johol, Negeri Sembilan, 12 September 1992.

diubahsuai oleh masyarakat kemudian yang mana kesadaran mereka terhadap Islam mengatasi sayang mereka terhadap adat-adat tersebut. Adat perkahwinan masyarakat Johol sekarang telah banyak mengalami perubahan dan dipercayai perubahan itu disebabkan oleh pengaruh masa, pendidikan dan kesadaran terhadap Islam serta beberapa faktor yang tidak langsung berlaku di dalamnya.

#### 2.4 Perkahwinan Yang Dibolehkan Dan Tidak Dibolehkan

Perkahwinan dalam adat Perpatih mempunyai tujuan dan maksud yang sama dengan tujuan perkahwinan dalam Islam. Selain dari mewujudkan hubungan halal antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim, juga untuk melahirkan generasi yang sah di sisi Islam, memenuhi tuntutan tabii dan untuk mengeratkan hubungan sesama manusia. Ada beberapa bentuk larangan perkahwinan dalam adat Perpatih ini yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi di samping larangan perkahwinan yang telah digariskan oleh Islam. Sebagaimana yang diketahui adat Perpatih berdasarkan sistem matrilineal, jadi larangan perkahwinan ini dapat dilihat berasaskan sistem tersebut.

Menurut Norhalim Ibrahim dalam kertas kerjanya, Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih menerangkan bahawa adat perkahwinan masyarakat Perpatih mempunyai norma perspektif dan preferential. Dasar bagi norma perspektif ialah eksogami, iaitu seorang lelaki tidak boleh

berkahwin dengan perempuan dari sukunya sendiri<sup>1</sup> manakala norma preferential ialah perkahwinan silang pupu.<sup>2</sup>

~~Dalam perbincangan mengenai adat perkahwinan yang~~  
dibolehkan, menurut adat ini adalah digalakkan perkahwinan dua orang yang berlainan suku kerana ia akan mengeratkan lagi hubungan dengan suku lain seterusnya akan membentuk satu kombinasi keluarga yang besar, tidak hanya dalam lingkungan suku yang sama. Namun ini tidak bermakna adat menghalang secara mutlak perkahwinan sesama suku, ia tetap dibolehkan kerana mereka juga akur bahawa syara<sup>c</sup> tidak menghalang. Cuma dinilai dari segi adat mereka dianggap telah melanggar adat atau telah melakukan sumbang. Sebenarnya perkahwinan yang dibolehkan dalam adat Perpatih adalah juga perkahwinan yang dibolehkan dalam Islam cuma adat Perpatih menambah dengan melarang perkahwinan sesama suku.

Bagi perkahwinan yang tidak dibolehkan adat menamakannya sebagai larangan adat atau sumbang perkahwinan. Terdapat beberapa larangan adat yang digariskan adat Perpatih dan Norhalim Ibrahim telah membahagikan kepada dua jenis iaitu dilarang perkahwinan sesuku atau indogami yang dikenali dalam adat sebagai

---

<sup>1</sup>Norhalim Haji Ibrahim, Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 3.

<sup>2</sup>Ibid., hlm. 5.

sumbang balai melintang dan larangan poligami atau poliandri sesuku.<sup>1</sup>

a) Sumbang Balai Melintang

Perkahwinan jenis ini boleh dibahagikan pada dua jenis iaitu sumbang sewaris dan sumbang sekedim. Dimaksudkan sumbang sewaris ialah kahwin sesuku tapi berlainan perut misalnya suku Biduanda Menteri mempunyai tiga perut maka lelaki dari perut A tidak boleh kahwin dengan perempuan dari perut B atau C. Jika dilakukan juga mereka dikatakan telah merosakkan pusaka adat maka jika mereka mahu diterima semula oleh ahli, mereka mesti membaikpulih pusaka atau adat tersebut dengan cara menyediakan lima puluh gantang beras, seekor kerbau, duit RM40.00 dan diadakan kenduri baiki pusaka, ia juga digelar masuk adat<sup>2</sup> atau jika mereka enggan membayar denda tersebut maka harta pusaka akan dirampas iaitu mereka tidak boleh mewarisi harta pusaka (bagi perempuan) dan tidak boleh menuntut jawatan pusaka gelaran suku (bagi lelaki), mereka juga akan dipulaukan dalam semua majlis dan hidup terasing dari masyarakatnya.

---

<sup>1</sup>Norhalim Haji Ibrahim, Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 5.

<sup>2</sup>Ibid.



Kata adat:

Laksana buah beluluk,  
tercampak ke laut,  
tidak dimakan ikan,  
tercampak ke darat,  
tidak dimakan ayam.

Mereka juga tidak dibenarkan tinggal dalam kawasan sukunya dan pada zaman tradisi tempat duduk mereka di atas rumah pun dicuci.<sup>1</sup>

Namun ada pendapat lain yang mengatakan sebenarnya orang yang dihukum baiki pusaka ialah ahli suku yang melakukan kesalahan tersebut yang tinggal di kampung itu. Ini disebabkan orang yang dihukum itu telah dihukum buang daerah. Maka perlu difahami mengikut adat jika seorang membuat salah maka satu suku menanggung bersama, jadi adalah menjadi tugas bagi suku yang tinggal membaiki pusaka mereka yang telah rosak dengan mengadakan kenduri seekor kerbau dan beras lima puluh gantang, jika tidak mereka yang dari suku itu tidak dapat mewarisi pusaka (bagi perempuan) dan tidak dapat menyandang apa-apa jawatan dalam suku (bagi lelaki).<sup>2</sup>

Manakala sumbang sekedim ialah perkahwinan sesuku dalam kelompok perut yang sama. Ia merupakan satu

---

<sup>1</sup>Norhalim Haji Ibrahim, Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 7.

<sup>2</sup>Isa bin Haji Manaf, penduduk Kampung Kuala Johol Johol, Negeri Sembilan, 1 Februari 1993.

kesalahan yang besar dan dikira sebagai penderhaka kerana sanggup mengahwini keluarga sendiri. Walaupun mereka memahaminya ia dibolehkan dalam Islam tapi larangan adat yang sejak dulu diamalkan membuatkan mereka sukar menerima perkahwinan tersebut. Pasangan yang engkar akan dirampas harta pusakanya dan mengikut adat tradisi di sebahagian tempat menjatuhkan hukuman bunuh ke atas pasangan yang engkar.

Kata adat:

Hidup tak terpelihara,  
mati tak ditanam,  
harta diambil, tuan dibunuh.

Menurut Haji Layar Atong dari Kampung Inas, pasangan tersebut jika mahu diterima semula dalam sukunya hendaklah mereka menebus kesalahan tersebut dengan seekor kerbau, seratus biji kelapa, beras seguni dan kayu sepasungan kemudian diadakan kenduri dan kesalahan mereka akan ditimbang oleh Undang sama ada mahu terima semula atau tidak. Jika mereka enggan tebus kesalahan dengan cara itu maka mereka akan dibuang daerah selama-lamanya iaitu tidak boleh menetap terus di tempat tersebut. Jika mereka masih enggan berpindah dan tidak mahu tebus kesalahan mereka, mengikut adatnya mereka akan dimasukkan ke dalam guni dan direndam dalam air hingga mati.

Hukum bunuh pernah berlaku di Pulau Sebang, Naning yang mana anggota suku Semelenggang telah melakukan

sumbang jenis ini. Mereka telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam bakul seterusnya dibenamkan ke dalam sungai hingga mati lemas. Dikatakan juga kubur mereka hingga ke hari ini dikenali sebagai Jerat Sumbang.<sup>1</sup> Menurut Borhan bin Ibrahim, bunuh yang dimaksudkan adalah bunuh dengan adat sahaja iaitu bukan bunuh yang sebenarnya.<sup>2</sup>

Mengikut kata adat:

Dihambat dek syara<sup>C</sup>,  
digalang dek adat.

Mengikut kepercayaan yang telah ditanam sejak dulu, perkahwinan sesuku akan mendatangkan kesan atau akibat yang buruk bagi pasangan tersebut dan memberi kesan pada generasi yang lahir hasil dari perkahwinan tersebut. Maka beberapa kebetulan yang terjadi telah menambah keyakinan mereka akan akibat atau tulah dari perkahwinan jenis ini. Disebut dalam perbilangan:

Kok ke darat sial balau,  
kok ke laut tumpah karam,  
kok beranak tak cukup sifatnya,  
ditimpa dek bisa besi.

Bagi perkahwinan sesuku tapi berlainan daerah iaitu mempunyai nama suku yang sama tapi menetap di

<sup>1</sup>Norhalim Haji Ibrahim, Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 7.

<sup>2</sup>Borhan bin Ibrahim, penduduk Kampung Tanggai, Johor, Negeri Sembilan, 12 September 1992.

daerah yang berlainan seperti suku Semelenggang di Johol dengan suku Semelenggang di Rembau, ada yang kata dibolehkan dan ada yang kata sebaliknya. Menurut Haji Isa perkahwinan seperti ini tetap tidak dibolehkan kerana dipercayai mereka berasal dari nenek moyang yang sama. Oleh itu, apabila mereka berada di luar Negeri Sembilan, mereka harus memastikan kedudukan masing-masing sebelum memulakan hubungan agar hubungan mereka tidak dilarang oleh adat seperti kata perbilangannya:

Jauh mencari suku,  
dekat mencari kadim.

Ada juga yang membolehkan dengan alasan bahawa tiap daerah atau luak mempunyai suku yang tersendiri, persamaan gelaran dalam suku mereka tidak ada kena mengena dengan suku di tempat lain. Apapun halnya, pemakaian terhadap hukum sama ada dibolehkan atau tidak bergantung pada Undang atau Penghulu bagi luak berkenaan.

Terdapat juga larangan perkahwinan terhadap suku yang berlainan namun begitu hanya suku tertentu saja yang terlibat seperti lelaki dari suku waris Biduanda tidak boleh berkahwin dengan perempuan dari suku Semelenggang tapi dibolehkan jika sebaliknya iaitu perempuan dari suku waris Biduanda dengan lelaki dari suku Semelenggang. Ini disebabkan suku Semelenggang adalah suku asal dari Nanning dan mereka memegang gelaran Penghulu (di Nanning) yang setaraf dengan Undang (di Johol) dengan memakai gelaran Datuk Orang Kaya Sri Maharaja Merah. Dikatakan pada

zaman tradisi telah berlaku perjanjian atau persumpahan antara keduanya bahawa perempuan dari suku Semelenggang tidak boleh kahwin dengan lelaki dari suku waris Biduanda kerana ia seolah-olah menunjukkan suku Semelenggang telah turun kuasa atau taraf. Perlu difahami bahawa pusaka asalnya adalah di tangan perempuan maka jika perkahwinan diteruskan juga, lelaki tersebut tidak layak menjawat sebarang gelaran dalam sukunya apalagi jawatan Undang, pusaka tersebut seolah-olah berada di tangan perempuan.

Selain itu, adat juga melarang perkahwinan Parallel Cousins yang mana dalam ilmu Antropologi Sosial ialah perkahwinan antara sepupu atau senenek atau sedatuk iaitu ibu mereka adalah bersaudara atau bapa mereka bersaudara, manakala Cross Cousins ialah ibu lelaki atau perempuan bersaudara dengan bapa lelaki atau perempuan. Perkahwinan jenis kedua dibolehkan kerana mereka berlainan suku iaitu masing-masing bukan dari suku yang sama.

#### b) Larangan Poligami (poliandri) sesuku

Larangan perkahwinan jenis ini bermakna adat melarang perkahwinan antara lelaki dengan dua orang perempuan atau lebih yang sama suku. Ia adalah salah ~~dari segi adat kerana mereka telah dianggap bersaudara~~ seperti adik-beradik maka adalah dilarang mereka ini.

dimadukan. Denda yang dikenakan adalah sama dengan kahwin sesuku, mereka diibaratkan dalam adat sebagai:

—  
Sebatang enau dua sigai.

Adalah tidak digalakkan perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan dari suku isterinya yang telah diceraikan, walaupun ia bukanlah satu kesalahan besar tapi ia dikira salah pada adat dan perkahwinan sebegini jarang diterima oleh masyarakat. Namun atas permuafakatan dan kebulatan antara semua pihak berkenaan dengan Ketua-Ketua Adat perkahwinan dibenarkan dengan syarat pihak lelaki dikenakan membayar denda yang disebut kalang batang. Tapi jika perceraian tersebut adalah perceraian mati maka adat menggalakkan lelaki tersebut berkahwin dengan saudara perempuan isterinya dan perkahwinan ini dinamakan ganti tikar.

Begitu juga tidak digalakkan berkahwin lebih dari satu suku kerana agak sukar bagi satu suku hendak menerima seorang lelaki sebagai semenda yang telah menjadi semenda orang lain. Ini kerana mereka tidak mahu kecilkan hati suku lain dengan merebut orang semenda.<sup>1</sup>

Selain dari perkahwinan seorang lelaki dengan dua orang atau lebih perempuan yang sesuku, perkahwinan jenis

---

<sup>1</sup>Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1982, cet. 2, hlm. 126.

kedua ini tidaklah berbentuk larangan adat tapi ia lebih menepati kepada salah dalam adat. Ia bukanlah satu kesalahan yang besar tapi larangan tersebut lebih kepada menjaga maslahat umum.

Sebenarnya perkahwinan dalam adat Perpatih tidak mengurangkan perkara wajib cuma terdapat beberapa penambahan yang dikira patut bagi menjaga kepentingan umum di samping mematuhi dengan tidak melakukan apa yang dilarang oleh Islam walaupun mungkin larangan tersebut bercanggah dengan Islam namun larangan itu tidak membawa kepada berdosa jika mereka tidak mematuhi. Walaupun adat melarang namun terdapat kelonggaran yang membolehkan mereka tidak mematuhi adat tapi beberapa syarat tertentu perlu dipatuhi bagi mendapatkan kelonggaran itu. Kata adat:

syara<sup>c</sup> tidak menghalang,  
adat tidak menggalang.

Oleh sebab itu, jika mereka masih tetap dengan keputusan tersebut maka mereka perlu mengangkat galangan atau halangan tersebut dengan penebusan sebagai syarat membolehkan mereka menyalahi adat tersebut.

Hasil dari kajian, walaupun pengaruh Islam telah bertapak kuat di sana namun adat setengah golongan lama di Johor yang masih mengamalkan larangan adat dalam perkahwinan meskipun tidak sepenuhnya. Sungguhpun adat melarang namun mereka tidak dapat menafikan kebenaran

dan kekuatan syara<sup>C</sup>. Oleh itu, perkahwinan yang tidak dibolehkan dahulu telah dapat diterima namun bila berlaku kebetulan-kebetulan hasil dari perkahwinan tersebut, mereka tidak dapat lari dari menganggap bahawa itu adalah akibat atau padah disebabkan pelanggaran terhadap adat tersebut.

## 2.5 Penutup

Pada dasarnya proses perkahwinan dalam masyarakat Johol tidak mengurangkan syarat-syarat sah perkahwinan yang ditetapkan oleh syara<sup>C</sup>. Cuma mereka menambah beberapa larangan adat dalam perkahwinan yang berdasarkan kepada kepentingan masyarakat menurut pendapat mereka. Terdapat beberapa adat serta upacara yang tidak bersesuaian dengan Islam seperti upacara berendam, berasah gigi, berjulang dan lain-lain yang mana sebahagiannya tidak lagi diamalkan sekarang.



## BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahman bin Haji Mohammad. 1964. Dasar-Dasar Adat - Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir M.S. 1985. Tonggak Tuo Budaya Minang. Jakarta: C V Karya Indah.
- Amran Kasimin. 1989. Istiadat Perkahwinan Melayu. Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad bin Idris. 1974. Kemurniaan Di Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- Azizah Kassim. 1969. Kependudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera Di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azizah Ujang. 1984. Perbilangan Adat Perpatih, Penilaian Dari Segi Etik dan Estetika". Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansur bin Haji Jamaluddin. 1974. Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- M. Rasyid Manggis DT. Radjo Panghoelo. 1970. Negeri Sembilan, Hubungannya Dengan Minangkabau. Jakarta: al-Maktabah al-Sa<sup>C</sup>diah.

Mokhtar Haji Md. Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Nadzan Haron. 1992. Sistem Perwarisan Tanah Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nathan J.E. dan R.O. Winstedt. 1920. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Ana Terachi. Papers on Malay Subject. Culcutta: The Baptist Mission Press.

Norazit Selat. 1982. Konsep Pusaka Di Dalam Adat Perpatih, satu catatan ringkas. Purba. Bil. 1

Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. cet.2. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.

Norhalim bin Haji Ibrahim. 1992. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

---

. 1992. Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

---

. 1988. Kesesuaian Adat Perpatih Dan Cabaran Masa Kini. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 17-18 September.

---

. 1984. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Othman Ishak. 1979. Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Amri bin Baharuddin. 1992. Sistem Politik Dan Ekonomi Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

Talib bin Md. Seh. 1990. Adat-Istiadat Dalam Naning.  
Kertas Projek Serdang. Universiti Pertanian  
Malaysia, Serdang.

Teuku Iskandar, Dr.. (penys.). 1984. Kamus Dewan.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainab Yahya. 1983. "Titik Menilik Di Kalangan  
Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Tanjung  
Bidara, Pulau Tiga, Parit, Perak. Latihan  
Ilmiah. Tahun Kepujian Di Jabatan Persuratan  
Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LUAK JOHOL

Undang : Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan

Bakal Undang : Datuk Baginda Tan Mas

Suku : Biduanda

<u>Suku</u>		<u>Jumlah Perut</u>	<u>Gelaran Lembaqa</u>
(i)	1. Biduanda Gempa	3	Datuk Gempa
	2. Biduanda Menteri	3	Datuk Menteri
	3. Biduanda Mendatang	3	Datuk Raja Balang
	4. Biduanda Jenang	3	Datuk Jenang *(1)
(ii)	5. Semelenggang/Sri Melenggang.	4	Datuk Andika
(iii)	6. Tiga Batu	5	Datuk Baginda Raja *
(iv)	7. Mungkal	4	Datuk Raja Senara
(v)	8. Paya Kumbuh	1	Datuk Seri Maharaja
(vi)	9. Selemak/Sri Lemak Minangkabau	1	Datuk Paduka Besar
	10. Selemak Pahang	1	Datuk Sinda Maharaja

Nota

\* Orang Besar Balai

(1) Ketua Suku Biduanda

Sumber: Nathan, J.E & R.O. Winstead, "Johol, Inas, Ulu Muar, Gunung Pasir and Terachi", PMS, 1920, hlm. 16-27.

## TEMUBUAL

- Abd. Razak bin Wahab. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 19 September.
- Bador bin Samad. 1993. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 2 Februari.
- Borhan bin Ibrahim. 1992. Penduduk Kampung Tanggai, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Che' Mat bin Hassan. 1992. Penduduk Kampung Bukit Istana, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Isa bin Haji Abd. Manaf. 1993. Penduduk Kampung Kuala Johol, Negeri Sembilan. Temubual 1 Februari.
- Ibrahim bin Bador. 1992. Penghulu Johol. Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Temubual 3 Disember.
- Layar bin Atong. 1992. Penduduk Kampung Inas, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 4 Disember.
- Mariam binti Borhan. 1992. Penduduk Kampung Lending, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.
- Mohd. Nor bin Yaacob. 1992. Ketua Kampung Air Mawang, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 27 November.
- Napsiah binti Md. Din. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 30 November.
- Osman bin Meda. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 30 November.
- Yassin bin Piotot. 1992. Penduduk Kampung Simat, Johol, Negeri Sembilan. 19 September.